SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (KENDERAAN BURUK SITAAN) BIL. 2/2026 PADA HARI ISNIN, 7 DISEMBER 2026

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.

2. **DIGALAKKAN** Pemakaian Pelitup Muka

   2.1 Kepada individu yang bergejala respiratori
   2.2 Individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang berpenyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung.

3. **HANYA PEMBIDA BERDAFTAR SAHAJA** dibenarkan memasuki kawasan acara lelongan diadakan.

4. Pembida **wajib memiliki lesen menjual barangan lusuh dan terpakai di bawah Akta Peniaga Sekenhend 1946 (Akta 189)** yang sah dan berkuatkuasa.

5. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.

6. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **KAD KREDIT/KAD DEBIT/QRPAY/E-WALLET** sepenuhnya pada hari lelongan. Tiada sebarang pembayaran secara **TUNAI** dibenarkan. Sila tetapkan **HAD MINIMUM** medium bayaran pilihan kepada jumlah **RM5,000.00.**

7. Kenderaan buruk yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.

8. Urusan pengangkutan kenderaan buruk adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.

9. Kenderaan buruk yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran **pada atau sebelum jam 1.00 tengah hari, 7 Disember 2026 (Isnin)**.

10. Kenderaan buruk yang telah dibida dan dibayar hendaklah **dileraikan dan dipotong dengan menggunakan jentera, kelengkapan, dan peralatan sendiri di dalam kawasan tapak simpanan** sebelum dibawa keluar dari tempat tersebut. **Bekalan kuasa elektrik tidak disediakan**.

11. Pembida juga **dilarang membuat urusan jual beli** di tapak simpanan.

12. Pembida diberi tempoh **lima (5) hari (7 Disember (Isnin) hingga 11 Disember 2026 (Jumaat)** untuk membawa keluar, menuntut, mengambil kenderaan buruk tersebut selepas bayaran dibuat, dalam waktu mulai jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Sebarang kos dan risiko adalah di bawah tanggungjawab pembida tanpa apa-apa liabiliti kepada Majlis.

13. Kegagalan menuntut/mengambil kenderaan buruk selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.

14. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** sebarang kerugian di atas kerosakan dan/atau kehilangan kenderaan buruk semasa atau selepas lelongan.

15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan kenderaan-kenderaan yang dilelong.

16. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi kenderaan-kenderaan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

17. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko kerugian dan/atau liabiliti daripada kenderaan buruk yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

18. Tidak dibenarkan sebarang rakaman dan penstriman langsung ('live') melalui apa-apa peranti.

19. Kenderaan buruk yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.

20. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**